
1 Penerangan yang manakah betul?

	Faktor Pengeluaran	Keterangan
A	Usahawan	Input yang menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran.
B	Buruh	Individu yang berperanan menghasilkan output maksimum.
C	Modal	Alat ciptaan manusia yang mempunyai mobiliti tinggi.
D	Tanah	Sumber yang penawarannya tidak terhad.

2 Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP).



Rajah 1

Penyataan yang manakah betul berkaitan dengan kombinasi pengeluaran X?

I Berlaku ketidakupayaan pengeluaran
II Dapat dicapai dengan peningkatan teknologi
III Ekonomi berada pada tingkat guna tenaga penuh
IV Wujud pembaziran sumber dalam pasaran

A I dan II
B II dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Pasangan yang manakah betul?

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Pengeluar memastikan tidak berlakunya lebihan barangan dalam pasaran.
B	Berapa hendak dikeluarkan	Barangan yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak pengguna.
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Firma memastikan kos pengeluaran barangan adalah minimum.
D	Untuk siapa barang dikeluarkan	Pembuat keputusan menggunakan mekanisme pasaran untuk menghasilkan barangan.

4 Pernyataan yang manakah betul tentang penyelesaian masalah berkaitan dengan penggunaan teknik pengeluaran dalam sistem ekonomi kapitalis

A Maksimum untung melalui pengurangan kos dengan bantuan subsidi
B Mekanisme pasaran mempengaruhi pemilihan intensif buruh atau modal
C Pengeluaran barang ekonomi dan awam berdasarkan permintaan pasaran
D Pemilihan kaedah yang cekap dengan mengambilkira kesan luaran negatif

8 Maklumat berikut berkaitan dengan keanjalan harga permintaan barang W.

Tindakan penjual menaikkan harga barang W menyebabkan jumlah hasil diterimanya menurun.

Pernyataan yang manakah betul mengenai barang W?

A Merupakan barang anjal
B Bentuk keluk adalah curam
C Contoh barang W ialah beras
D Nilai pekali keanjalan kurang daripada 1


9 Maklumat di bawah berkaitan dengan nilai keanjalan harga permintaan barang X.

$E_d = 2.0$

Maklumat yang manakah betul berkaitan dengan barang tersebut?

A Barang pengganti yang sedikit dalam pasaran
B Pengusaha menaikkan harga barang untuk tingkatkan jumlah hasil
C Peningkatan harga 2% menyebabkan pengurangan permintaan 1%
D Beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar lebih besar daripada pengguna

10 Rajah 3 adalah keluk permintaan suatu barang.



Rajah 3

Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

A 0.44
B 0.86
C 1.17
D 2.25

(c) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan hukum penawaran bagi sesuatu barang.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

(d) Jadual 1 menunjukkan 2 jenis barang yang diminta oleh individu

Barang M	Barang N
Ed > 1	Ed < 1

Jadual 1

(i) Jelaskan keanjalan harga permintaan bagi kedua-dua barang tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(ii) Jelaskan faktor keanjalan harga permintaan bagi barang N.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Jadual 2 menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Mesin (unit)	**Buruh (orang)**	**Jumlah keluaran (TP) (Unit)**	**Keluaran Purata (AP) (Unit)**	**Keluaran Marginal (MP) (unit)**
2	0	0	0	-
2	1	6	6	6
2	2	14	7	8
2	3	24	8	10
2	4	32	**X**	8
2	5	37	7.4	5
2	6	41	6.83	4
2	7	44	6.28	**y**
2	8	46	5.75	2
2	9	46	5.1	0
2	10	45	4.5	-1

Jadual 2

i) Berapakah nilai x dan y?

.....

.....

.....

[2 markah]

ii) Pada buruh ke berapakah berlakunya tahap pengeluaran yang paling cekap.

Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan pelaburan langsung asing di Malaysia.

Pelaburan langsung asing dilulus Januari-September 2024 berjumlah RM254.7 bilion

KUALA LUMPUR: Nilai keseluruhan pelaburan asing (FDI) yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi merangkumi sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan bagi tempoh Januari hingga September 2024 adalah berjumlah RM254.7 bilion, menurut MITI.

"Prestasi keseluruhan ini adalah 10.7 peratus lebih tinggi berbanding jumlah pelaburan yang diluluskan dalam tempoh yang sama pada 2023 iaitu RM230.2 bilion," tambah MITI. Menurut MITI, sektor perkhidmatan merekodkan nilai pelaburan tertinggi.

Ubahsuai Bernama online : Februari 20, 2025

Maklumat 1

Pakar beri peringatan kesan ekonomi Malaysia bergantung kepada FDI

Dalam negara berdagang secara terbuka seperti Malaysia, para pelabur yang menarik wang mereka keluar mampu mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi. Ini dapat dilihat semasa krisis kewangan Asia pada 1997.

Liew berkata kebergantungan membantutkan inovasi dan kepelbagaian ekonomi yang boleh mengakibatkan kurangnya penciptaan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dalam negara serta memberi kesan kepada peniaga tempatan negara

Ubahsuai Malaysianow: Jun 10, 2024

Maklumat 2

(a) Jelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan di dalam maklumat 1. [4 markah]

(b) Bagaimanakah peningkatan dalam pelaburan langsung asing dalam maklumat 1 dan maklumat 2 memberi ancaman kepada industri muda tempatan. [7 markah]

(c) Sebagai generasi muda masa kini, cadangkan tindakan anda bagi mengatasi ancaman dalam 7(b). [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1

EKONOMI

1	C	11	C	21	C	31	A
2	A	12	A	22	B	32	B
3	C	13	D	23	B	33	D
4	B	14	B	24	C	34	A
5	D	15	A	25	B	35	B
6	C	16	D	26	D	36	D
7	A	17	C	27	B	37	C
8	A	18	C	28	A	38	B
9	D	19	D	29	D	39	C
10	D	20	A	30	A	40	A

BAHAGIAN B

<table>
<tr><td></td><td>Soalan 1</td><td></td></tr>
<tr><td>1a</td><td>
<table>
<tr><td>H1a Buruh</td><td>H1b Usahawan</td></tr>
<tr><td>H2a Individu yang menyumbangkan tenaga mental dan fizikal</td><td>H2b Individu yang menggabungkan/ menyelaraskan factor pengeluaran</td></tr>
<tr><td>H3a Upah</td><td>H3b Untung</td></tr>
<tr><td>H4a mahir dan tidak mahir</td><td>H4b rajin/kreatif/sanggup tanggung risiko dll</td></tr>
</table>
Syarat :
Mesti menunjukkan perbezaan
Jika tiada maksimum 2 markah sahaja</td><td>1+1

1+1

1+1
1+1
Max 4m</td></tr>
<tr><td>1b</td><td>H1- barang ekonomi melalui mekanisma pasaran
H1a- Penentuan kuantiti melalui interaksi permintaan dan penawaran.
H2- kuantiti barang awam mengikut keperluan rakyat/ditentukan melalui parlimen

H3 – cara pengeluaran paling cekap
H4 - Intensif yang relatif lebih murah/ intensif buruh atau modal
H5 – Barang ekonomi : cara pengeluaran memaksimumkan keuntungan
H6 - barang Awam: memaksimumkan kebajikan masyarakat

Syarat :
3+1/1+3/2+2</td><td>1
1
1

1
1
1
1

Max 4m</td></tr>
<tr><td>1c</td><td>Lukis keluk/rajah

Rajah(Jadual) :
Harga (RM)
Kuantiti (Unit)
Sekurang-kurangnya 2 tingkat harga

Atau

Keluk:
Paksi Harga (RM)
Paksi Kuantiti (unit)
Sekurang-kurangnya 2 tingkat harga

Maksimum rajah 2m

H1- Semakin tinggi harga semakin meningkat kuantiti ditawar dengan andaian ceteris paribus / Semakin rendah harga semakin rendah kuantiti dtawarkan dengan andaian ceteris paribus</td><td>

1
1
1

@

1
1
1

1</td></tr>
</table>

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Ekonomi (20+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta